

KERJA memindah batu untuk membaik pulih ban sedang giat dilakukan.



AIR PASANG BESAR

Baik pulih ban pecah

■ Penduduk tarik nafas lega kerja baiki dijangka selesai bulan ini

Ayusliza Azizan
am@hmetro.com.my

Kapar

Penduduk yang terjejas akibat fenomena air pasang besar di daerah ini boleh menarik nafas lega apabila kerja membaik pulih ban di Sungai Keramat Batu 4, di sini, dijangka selesai bulan ini.

Ban yang sebelum ini dianggarkan sudah enam kali pecah pulih menggunakan besi dan masih kukuh walaupun air pasang besar melanda sejak 14 November lalu pada ketinggian ombak 5.6 meter.

Pekerja baik pulih ban, kerja baik pulih dilakukan

Azizuddin Sibadar, 33, berkata, kerja baik pulih bermula sejak 16 Oktober lalu hingga hari ini selepas gelombang kedua fenomena air pasang besar melanda bulan lalu.

Menurutnya,

setiap hari, siang dan malam bagi memastikan ban benar-benar kukuh kerana apabila pecah ia boleh mengakibatkan banjir.

"Selain itu, kerja menambak tanah juga giat dijalankan bagi mengelak air laut melimpah keluar ketika air pasang besar," katanya, di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor Mohd Sani

Harul berkata, jumlah penduduk yang berpindah ke pusat pemindahan di negeri itu mencatatkan 303 mangsa membabitkan 83 keluarga.

"Semua mangsa dipindahkan ke tiga pusat pemindahan di Dewan Serbaguna Kampung Tok Muda Kapar, Dewan Serbaguna Jalan Palembang Kampung Rantau Panjang Kapar dan Dewan Serbaguna Sungai Air Tawar Sabak Bernam," katanya.

FAKTA
Kerja menambak tanah juga giat dijalankan